



## Ke Arah Pilihan Raya Umum ke-15: Dinamika Pilihan Raya Negeri Sabah 2020 dan Pengajarannya

Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik,  
Pusat Kajian Sejarah Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pusat Pengajian Perang Saraf, Media dan Informasi  
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media  
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Correspondence: Muhamad Nadzri Mohamed Noor (nadzri@ukm.edu.my)

Received: 28 July 2021; Accepted: 25 October 2021; Published: 30 November 2021

### Abstrak

Penubuhan kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada awal Mac 2020 telah merubah lanskap politik Malaysia secara signifikan terutamanya dari sudut permuafakatan antara parti, keutuhan sistem kepartian dan persaingan politik. Permuafakatan baharu telah dibentuk oleh Bersatu, PAS, UMNO/BN dan disokong oleh GRS di satu pihak, di satu pihak lagi - Pakatan Harapan (PH) kembali kepada tiga parti asalnya iaitu PKR, DAP dan Amanah. Perpecahan politik ini, berbanding atas dasar kepartian, sebaliknya berlaku atas pecahan kepentingan kelompok elit. Pecahan Bersatu melahirkan parti serpihan iaitu PEJUANG dan MUDA. Perpecahan dalam PKR pula menyebabkan kem Azmin Ali menyertai Bersatu. Persaingan kekal tinggi namun sistem kepartian dan kerjasama antara parti pula melemah. Berlatar belakangkan dinamika inilah, Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah diadakan, selepas kerajaan negeri pimpinan Shafie Apdal ditumbangkan di luar dewan perundangan pada penghujung Julai 2020. Untuk itu, objektif utama penulisan adalah, pertama, artikel ini meneroka faktor-faktor di sebalik kemenangan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) di dalam PRN Sabah 2020. Kedua, artikel ini menghubungkaitkan amalan, dinamika serta pengajaran daripada praktik politik dan pilihan raya Sabah 2020 dengan konteks kontemporeri politik kepartian dan persaingan kuasa di peringkat nasional, ke arah Pilihan Raya Umum ke-15. Metodologi penulisan ini diasaskan dari garapan data-data sekunder dan beberapa temubual dengan beberapa aktor yang terlibat di dalam PRN itu. Implikasi PRN Sabah 2020 tidaklah semata-mata sebagai pentas untuk memilih kerajaan baharu di wilayah itu, ia turut signikan dalam merefleksi situasi politik permufakatan dan amalan kepartian kontemporeri di Malaysia, serta masalah-masalah yang bersangkutan dengannya termasuk masalah lompat parti dan ketidakstabilan politik kepartian.

**Kata kunci:** Gabungan Rakyat Sabah, Pakatan Harapan, Perikatan Nasional, Pilihan Raya Negeri Sabah 2020, regionalisme budaya, Warisan Plus

## Towards Malaysia's 15th General Election: The Sabah State Election 2020 and its Lessons

The establishment of the Perikatan Nasional (PN) in early March 2020 has significantly changed Malaysia's political landscape particularly with regard to interparty accommodations, stability in the party system and the nature of power struggle. New coalitions have been formed with the Bersatu, PAS and UMNO/BN with the support from GPS at one side, whereas the Pakatan Harapan (PH) on the other side was down to its original component parties, which are the PKR, DAP and Amanah. The current political fragmentations were not based on the party's principles as in the past, but largely due to individual differences among the political elites. The split in Bersatu produced two splinter parties, that are PEJUANG and MUDA. The rupture in the PKR has caused Azmin Ali's camp to move to Bersatu. The competition remains high, but coalition politics and the party system have significantly weakened. Against this backdrop, the Sabah State Election (SSE) was held after the Shafie Apdal's government was toppled in late July 2020. The objective of this article is two-fold. Firstly, this article analyses the factors behind the success of the Gabungan Rakyat Sabah (GRS) in the aforementioned election. Secondly, this article relates the dynamics, political practices and lessons from the SSE 2020 to the current context of party politics and power competition at the national level, towards the next 15th general election. Both secondary data (from a number of news portals and the library research) and primary source (interview with three candidates in the aforementioned election) are utilised in the writing up of this article. The implications of the SSE is beyond a mundane process of the governmental change in the region, but it is also significant in reflecting the state of consociational and party politics in contemporary Malaysia, including the challenges of party-hopping and instability in the party system.

**Keywords:** Gabungan Rakyat Sabah, Pakatan Harapan, Perikatan Nasional, Sabah State Election 2020, Warisan Plus

### Pengenalan

Politik Malaysia selepas kejatuhan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 menjadi semakin rencam dan cair khasnya dari sudut kepartian dan ideologi. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) tidak lama selepas PRU itu, merekrut kemasukan pemimpin *United Malays National Organisation* (UMNO) secara terbuka. Kemudian, apabila mendapat cukup sokongan, Bersatu pada penghujung Februari 2020, dibantu dengan perpecahan parti di dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR), menubuhkan sebuah kerajaan baharu dengan sokongan UMNO/BN, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS). Namun, perpecahan turut berlaku di kalangan pemimpin Bersatu dan juga Pakatan Harapan (PH). Mahathir Mohamad dan penyokongnya menubuhkan parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), manakala Syed Saddiq pula menubuhkan *Malaysian United Democratic Alliance* (MUDA). Sekutu kuat Mahathir, Shafie Apdal yang memimpin Parti Warisan Sabah (Warisan), mengambil pendekatan mesra Mahathir berbanding Ketua Umum PH, Anwar Ibrahim. Akibatnya, PH kembali ke parti-parti asal penubuhannya pada 2015 iaitu PKR, *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Amanah Negara (Amanah).

Sebagaimana keadaan semasa pemerintahan PH dan kemelut peralihan kerajaan pada minggu terakhir Februari 2020 - perundingan, pertukaran dan penajaran kepentingan di antara pemimpin, kelompok dan parti terus berlaku di era PN. Anwar umpamanya pada 20 September 2020, ketika Pilihan Raya Negeri Sabah masih berlangsung, menyatakan beliau mempunyai majoriti yang "strong, convincing and formidable" di Dewan Rakyat (Arfa 2020). Menariknya,

sokongan itu dipercayai hadir dari pemimpin-pimpinan utama UMNO, yang merupakan antara parti yang menyokong/mendirikan kerajaan PN. Dengan kebarangkalian kejatuhan kerajaan PN, akibatnya dari perkembangan itu, Muhyiddin Yassin memohon perkenan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) untuk mengisytiharkan darurat pada lewat Oktober 2020. Tetapi ia telah ditolak oleh baginda selepas mengadakan perundingan dengan Majlis Raja Raja. Atas nasihat secara tidak langsung oleh YDPA nampaknya, pemimpin-pimpinan UMNO kembali menyokong PN dan pada perbentangan belanjawan pada November 2020 di mana belanjawan itu lulus secara pluraliti dan PN terselamat dari dijatuhkan melalui proses itu.

Namun, drama politik Malaysia tidak terhenti setakat itu apabila Anwar sekali lagi berusaha untuk mendapat perkenan YDPA untuk membuktikan sokongan majoriti kepada baginda yang kemudiannya diragui oleh pihak istana. Tidak lama selepas itu, pada 11 Januari 2021, YDPA telah memperkenankan pemohonan kerajaan PN untuk baginda mengisytiharkan darurat dengan justifikasi memerangi wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, di dalam Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 yang diumumkan oleh kerajaan pada 14 Januari 2021, kerajaan bukan sahaja diperkasakan dalam usaha untuk menambahkan kekuatan jentera dan sumber di dalam institusi kesihatan awam, tetapi juga integriti politiknya juga di mana dewan perundangan tidak dibenarkan bersidang dan pilihan raya tidak dibenarkan berlangsung. Justeru, mana-mana semakan dari pembangkang, termasuk usul undi tidak percaya kepada kerajaan di Parlimen, adalah terhalang secara efektif.

Politik Sabah turut terkesan dengan ketara oleh perkembangan politik di peringkat nasional sejak pemerintahan PH dan juga PN. Pada asalnya, BN Sabah telah membentuk kerajaan negeri pada 10 Mei 2018 selepas memenangi majoriti tipis di dalam PRU 2018. Namun, dengan perubahan kerajaan di peringkat persekutuan kepada PH, parti Warisan mula mendapat sokongan beberapa ahli BN untuk mengalah sokongan kepada Shafie Apdal sekaligus membolehkan beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang baharu dua hari kemudian. Di sebalik perkara ini, adalah amalan *reward and punishment* yang ketara dipraktikan di dalam politik Malaysia di mana pemimpin pembangkang cenderung didiskriminasi dan pemimpin parti pemerintah pula diberi kelebihan dan penaungan. Dengan kebergantungan yang tinggi terhadap sumber yang boleh dibekalkan oleh parti pemerintah di persekutuan kepada pembangunan setempat dan penaungan di dalam pelbagai bentuk yang lain, ahli-ahli perundangan termasuk di Sabah dimotivasi untuk menyokong kerajaan pusat.

Kejatuhan PH pada Februari 2020 turut menyebabkan beberapa perubahan kedudukan parti-parti pemerintah di Semenanjung. Namun di Sabah, hal itu berlaku sedikit lewat, iaitu pada penghujung Julai 2020 dengan kemunculan semula bekas Ketua Menteri Musa Aman. Setelah berjaya menarik sokongan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah yang menyokong kerajaan Warisan Sabah, Musa Aman menunjukkan majoriti yang dimilikinya kepada umum pada 29 Julai 2020. Akibatnya, Shafie Apdal memohon perkenan Tuan Yang Terutama Negeri Sabah untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah untuk mengadakan pilihan raya yang baharu, yang kemudiannya diperkenankan dengan pilihan raya ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 26 September 2020.

Berlandaskan premis ini, artikel ini diasaskan dengan dua objektif utama dengan menggunakan data-data sekunder dan beberapa temubual. Pertama, artikel ini menganalisis faktor-faktor di sebalik kemenangan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) di dalam PRN Sabah 2020. Kedua, artikel ini menghubungkaitkan amalan, dinamika dan pengajaran daripada praktik politik dan pilihan raya Sabah itu dengan konteks kontemporari politik kepartian dan persaingan kuasa di peringkat nasional, ke arah Pilihan Raya Umum ke-15.

## **Ulasan Literatur dan Kerangka Teori: Ketahanan Sistem Politik Hibrid di Malaysia**

Sebagaimana yang dihujahkan oleh beberapa sarjana di dalam kajian sains politik Malaysia (Gomez & Nawab 2019), keputusan di dalam PRU 2018 tidaklah melibatkan perubahan rejim secara tuntas, sebaliknya perubahan kerajaan atau elit. Meskipun terdapat beberapa perubahan akibat dari transisi politik quasi-“replacement” (Huntington 1991) yang membolehkan sistem politik menjadi lebih demokratik, secara asasnya Malaysia Baharu dibawah pentadbiran Mahathir masih lagi sebuah sistem politik hibrid, atau sistem demokrasi yang lemah. Regim hibrid ini ditakrifkan oleh Karl (1995) sebagai sebuah sistem yang mengandungi kedua-dua karektor demokrasi dan autoritarianisme. Ia digunakan bagi memerihalkan sifat regim yang tidak dapat diklasifikasi sebagai demokrasi atau authoritarian secara tuntas (Gilbert & Mohseni 2011),

Asas kepada sistem politik campuran ini, dengan praktik authoritarian di sebalik prosedur demokrasi, adalah matlamat untuk mempertahankan pemerintahan tanpa apa-apa sekatan demokratik yang efektif. Untuk itu institusi dan sumber negara, serta politik dan rakyat cenderung dijadikan sebagai alat berbanding matlamat kekuasaan. Akibatnya, wujud amalan-amalan politik yang bersangkutan termasuk *divide and rule* serta *reward and punishment*. Kedua-dua praktik ini membawa memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada politik kewilayahuan (regionalisme) dan budaya – khasnya etnisiti dan agama.

Praktik pecah dan perintah berakar dari amalan pentadbiran British berdasarkan kapitalisme penjajahannya (Jomo 1986). Pengenalan sektor ekonomi berdasarkan identiti ini melahirkan masyarakat majmuk yang tinggal di dalam unit politik yang sama tetapi tidak bergabung (Furnivall 2014). Institusi etno-sosial dibina dan etnik masing-masing, khasnya di Malaya (kini Semenanjung Malaysia) mempunyai institusi yang lengkap tanpa perlu bergabung dengan etnik lain. Antara institusi sosial yang dibina itu adalah parti politik, dan merefleksi dasar pecah dan perintah itu, parti-parti itu berdasarkan etnik masing-masing seperti UMNO, *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Malah, kerangka dasar ini dikenalkan oleh Parti Perikatan melalui integrasi politik, dengan parti komponen masing-masing masih lagi menggunakan politik berdasarkan budaya meskipun membentuk telah membentuk perikatan elit antara kaum (Ratnam 1965). Model ini, dengan politisasi dan integrasi etnik, mendapat tempat berbanding parti rentas kaum seperti *Independent Malayan Party* (IMP). Dijelaskan secara lunak kini antaranya dengan idea "penyatuan dalam kepelbagaiannya" kedua-dua dasar integrasi dan isolasi (pecah dan perintah) membawa pergerakan sejarah pembinaan bangsa yang rumit di Malaysia di mana tujuan (forces) untuk integrasi dan perpaduan berjalan seiringan dengan tujuan politik berdasarkan etnik. Presiden UMNO sewaktu pemerintahan BN umpamanya, sering menggunakan politik kemelayuan apabila berucap di perhimpunan agung parti itu, tetapi beretorik tentang perpaduan di dalam pentas-pentas BN yang lain. Sebagaimana analisa Chandra Muzaffar (2020), parti-parti komponen di dalam Perikatan/BN memainkan sentimen keetnikkan, memainkan peranan seumpama pelindung kepada kepentingan etnik yang didakwa diwakilinya.

Oleh kerana terdapat corak-corak umum di dalam komposisi etnik berdasarkan kawasan, khasnya di Semenanjung, kekuatan parti-parti politik itu turut berbeza di kawasan yang berbeza. DAP kini berpengaruh di kawasan-kawasan bandar majoriti Cina, manakala kawasan pinggiran bandar cenderung dikuasai PKR. UMNO/BN pula masih popular di kawasan pendalaman yang diduduki bumiputera, dan PAS pula berpengaruh di Pantai Timur dan Utara Semenanjung. Regionalisme budaya ini diperkuat dengan amalan *reward and punishment* di mana negeri-negeri dan kawasan-kawasan pembangkang sering dihukum dari sudut peruntukan pembangunan dan projek seperti pemerintahan PAS di zaman BN sebelum ini (Mohammad Agus 2006). Hal ini mewujudkan amalan penaungan, kebergantungan dan

*clientelism*. Namun, meskipun berupaya amalan ini berjaya mempertahankan Parti Perikatan dan BN di majoriti negeri-negeri dan persekutuan Malaysia untuk beberapa dekad, namun tidaklah berhasil sepanjang masa dengan kemunculan dinamik-dinamik baharu di Malaysia khasnya sejak PRU 2008 (Muhamad Nadzri & Jamaie 2018). Namun, di Sabah, politik jarang sekali berkitar di dalam persoalan identiti, sebaliknya politik kenegerian adalah lebih menonjol (Junaidi et al 2012). Malah parti-parti penting di Sabah, tidak seperti di Semenanjung, diasaskan secara sivik atas nama negeri berbanding etnik, seperti parti terbaharu negeri itu, Parti Warisan Sabah (Chin 2018). UMNO Sabah misalnya, dibuka keahliannya kepada bumiputera di negeri itu (Chin 2014).

Dinamika persaingan politik dan budaya ini ditakrifkan oleh Shamsul sebagai pertembungan visi “negara idaman”, di mana parti-parti politik yang mewakili kelompok-kelompok masyarakat yang berbeza di Malaysia memperjuangkan bentuk negara bangsa yang berlainan (Shamsul 1996). Sebelum PRU 2018, terdapat permuafakatan antara elit dan parti dalam mengelompokkan kepentingan dan berkompromi dalam visi negara idaman mereka. Hal ini mewujudkan kestabilan politik meskipun politik Malaysia menjadi semakin kompetitif khasnya sejak PRU 2008. Namun, sejak 2018, penyelarasan kepentingan politik tidak lagi berdasarkan visi negara idaman sebagaimana dihujahkan oleh Shamsul (2020) atau prinsip kepartian, sebaliknya kepentingan individu dan kelompok elit. Perpecahan dalaman yang melanda kerajaan PN tidak sampai setahun penubuhannya, dengan usaha beberapa pemimpin utama UMNO untuk bekerjasama dengan Anwar dan PH yang mempunyai visi negara idaman yang relatifnya bertentangan umpamanya. Begitu juga perpecahan dalaman di dalam Bersatu yang kini melahir di parti baharu (meskipun belum diluluskan) iaitu parti Pejuang dan MUDA.

Akibatnya, sistem kepartian di Malaysia mula melemah dan tidak stabil. Gabungan-gabungan baharu terpaksa dibentuk dalam meningkatkan potensi kemenangan dengan perpecahan di dalam gabungan-gabungan semasa/lama. PN di Sabah terpaksa membentuk GRS untuk memayungi kesepakatan dalam pertentangannya dengan BN. Warisan pula bekerjasama dengan PH yg melahirkan Warisan Plus meskipun Shafie merupakan sekutu kuat Mahathir.

Dalam mewujudkan kestabilan di dalam ketidaktentuan politik ini, darurat diisytihar, antaranya untuk menutup dewan perundangan dan mengelakkan pilihan raya, di sebalik wabak Covid-19. Meskipun kuasa eksekutif diperkasakan dengan kaedah ini dan semakan tidak dapat dilakukan oleh pihak pembangkang secara efektif, namun tekanan-tekanan pendemokrasian yang tinggi di pelbagai peringkat mengakibatkan PN untuk menjadi responsif di sebalik karektor regimnya yang agak represif (kawalan media semakin tinggi, siasatan jenayah terhadap pemimpin pembangkang serta aktivis dan pengenalan ordinan-ordinan darurat). Ini termasuklah tekanan daripada YDPA dan Majlis Raja-Raja agar parlimen dibuka segera pada Jun 2020, dan tekanan berterusan dari orang awam dan intelektual agar kerajaan membuat dasar dan keputusan yang lebih cakna keadaan dan tuntutan rakyat. Hal ini memerihalkan ketahanan rejim hibrid di Malaysia, meskipun berlaku perubahan kerajaan pada 2018 dan 2020. Namun, sistem kepartian dan sifat persaingan di dalam rejim hybrid BN, PH dan kini PN adalah berbeza-beza di mana parti semakin melemah dan permuafakatan politik semakin cair.


## Metod dan kawasan kajian

Artikel ini menggunakan gabungan data-data sekunder khasnya laporan semasa akhbar-akhbar sewaktu PRN Sabah 2020 berserta kajian kepustakaan (artikel jurnal dan buku-buku ilmiah) dan temubual bersama tiga orang calon di dalam pilihan raya itu. Kebanyakan data didapati sewaktu pilihan raya itu berlangsung iaitu pada September 2020.

PRN Sabah ke-16 dijadualkan untuk berlangsung pada 26 September 2020. Hari penamaan calon adalah pada 11 September, membolehkan tempoh berkempen berlangsung

selama dua minggu. Dalam PRN ini, 73 kerusi DUN menjadi rebutan di antara 447 orang calon dari pelbagai parti (Lihat Rajah 1). Persaingan pelbagai penjuru cukup ketara di dalam PRN Sabah kali ini dengan setiap DUN mempunyai tiga atau empat orang calon.

Jumlah pencalonan dan penyertaan parti yang tinggi ini merefleksi praktik politik di Sabah sejak 1990an dan digalakkan lagi dengan perkembangan semasa yang simbiotik di antara politik di negeri itu dan di peringkat nasional. Penubuhan kerajaan PN di persekutuan tidak didasari di atas permuafakatan antara parti secara tuntas seperti model kerjasama BN dan PH sebelum ini. Ia sebaliknya lebih kepada sebuah pakatan bersyarat (*conditional*) yang bersifat sementara berdasarkan kepentingan kelompok dan individu elit politik. Akibatnya, prinsip kepartian dan pakatan parti menjadi rapuh, ideologi parti pula mencair dengan pergerakan pemimpin melangkaui struktur kepartian. Namun kerangka parti masih diperlukan dan terus digunakan oleh elit politik sebagai wadah politik dan pilihan raya dalam mendapat/mengekalkan kekuasaan.



Sumber: Diadaptasi dari Govindasamy (2020).

**Rajah 1.** Peta kawasan pilihan raya DUN Sabah 2020.

### Persaingan Politik dalam PRN Sabah 2020

Oleh kerana situasi politik Malaysia sekali lagi mengalami perubahan besar selepas Langkah Sheraton, hasil dari penajaran politik dari parti komponen dan kelompok di dalam PH sendiri iaitu Bersatu (kelompok Muhyiddin Yassin) dan kumpulan Azmin Ali dari PKR, integriti dan stabiliti pakatan-pakatan baharu parti politik menjadi persoalan. Di dalam PN umpamanya, Bersatu Johor tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO – berakar dari *trade-off* yang

terpaksa mereka lakukan, iaitu melepaskan kerusi Menteri Besar kepada UMNO. UMNO Perak pula tidak menyenangi dengan Bersatu yang mengepalai kerajaan negeri, sedangkan UMNO memiliki jumlah ADUN yang paling ramai di dalam PN Perak. PH pula mengalami gugatan dengan peralihan sokongan dari kumpulan Azmin Ali, menyebabkan antaranya, tumbangkan kerajaan PH di Kedah. PH pula yang kembali dikuasai Anwar, turut berbelah-bahagi sama ada mahu bekerjasama dengan Mahathir dan PEJUANG, bagi menembusi sokongan Melayu luar bandar. PRN Sabah yang diadakan kira-kira enam bulan selepas Langkah Sheraton pada Februari 2020, untuk itu, adalah arena yang sesuai bukan sahaja dalam menganalisis politik dan pilihan raya negeri itu, sebaliknya juga sebagai pentas untuk mengukur kesepadan dan praktik politik permuafakatan di Malaysia mutakhir ini.

Meskipun terdapat lebih dari 10 parti yang bertanding di dalam PRN ini, persaingan utama adalah di antara GRS dan Warisan Plus, iaitu secara relatifnya adalah evolusi simbolik pertentangan kumpulan order lama (konservatisme) dan kumpulan order baru (reformisme) ketika ini. GRS terpaksa ditubuhkan apabila kesepakatan tidak dapat dicapai oleh kumpulan order lama khasnya di antara BN Sabah, PN dan PBS. Berbanding dengan BN dan PBS, Bersatu Sabah adalah pemain baru dan belum berakar umbi. Kebanyakan pemimpinnya pula, memenangi di dalam PRU 2018 di atas tiket UMNO/BN Sabah. Namun, dengan kedudukan yang dikuasai di peringkat pesekutuan Bersatu dan PN mempunyai mempunyai kuasa dominan dengan penguasaan ke atas sumber dan institusi negara, meskipun kurang berpengaruh berbanding BN dan PBS.

Pun begitu, menyedari kekuatan kepartiannya di Sabah dan juga kepentingan BN kepada keutuhan PN di persekutuan, BN Sabah mengambil langkah yang berani dengan menentukan sendiri kepentingan parti itu di dalam PRN ke-16 tanpa permuafakatan yang tuntas dengan PN. Tidak mahu mengalah, PN dan PBS juga melakukan hal yang sama. Akibatnya terdapat 17 kawasan DUN di mana calon-calon GRS bertembung sesama sendiri dan pihak lain kebanyakannya di kawasan Kadazan/Dusun/Murut atau KDM. Beberapa bekas pemimpin BN yang melompat parti selepas prestasi buruk BN pada PRU 2018 dan memilih menjadi perwakilan bebas pula, kembali ke PRN ini juga atas tiket bebas. Hal ini merupakan antara penjelasan mengapa ramai calon bertanding di dalam PRN dengan persaingan pelbagai penjurur yang tinggi.

Sebagai parti penyandang di peringkat negeri - Warisan yang kembali berpaktat dengan PH dan dikenali semula sebagai Warisan Plus - kumpulan Shafie Apdal mempunyai pengaruh yang tinggi di kalangan masyarakat Sabah. Terdapat juga perselisihan dalam perebutan kerusi di antara parti di dalam Warisan Plus, dengan kerusi diberikan kepada PKR dengan jumlah yang dianggap PKR sebagai terlalu sedikit. Namun, kompromi PKR kemudiannya telah menyebabkan Warisan Plus menjadi pakatan politik yang lebih sepakat tanpa ada pertembungan sesama sendiri.

Terdapat tiga parti lain yang menyertai dalam PRN ini dengan jumlah penyertaan calon yang tinggi iaitu Parti Cinta Sabah yang bertanding di semua 73 kerusi, Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (47 kerusi) dan Parti Liberal Demokratik (46). Namun, semua parti ini gagal memenangi sebarang kerusi dan persaingan PRN Sabah. Sebagaimana yang telah dibangkitkan, persaingan dalam PRN ini berkitar di antara Warisan Plus dan GRS, di samping pertandingan sesama sendiri parti-parti di dalam GRS di 17 kawasan DUN.

Hal ini tidak terelak di dalam politik Sabah di mana kekuasaan dan kelebihan yang dari kekuasaan itu adalah signifikan dalam mempengaruhi pengundi. Dengan kuasa dan pengaruh institusi yang ada di kalangan GRS sebagai parti komponen parti penyandang di persekutuan dan Warisan Plus sebagai penyandang di Sabah, kredibiliti dan keupayaan parti-parti lain dalam “menganggu” perlawanan di antara dua gergasi ini adalah minimal kecuali tiga kawasan DUN di mana kawasan-kawasan itu dimenangi oleh calon-calon bebas, iaitu di Kuamut (Masiung Banah), Pitas (Ruddy Awah) dan Kuala Penyu (Mohd Fadzlee Abdullah). Namun,

terdapat corak-corak yang ketara dalam kalangan tiga calon itu, mereka merupakan bekas ADUN atau bekas pemimpin penting dan senior di dalam parti di peringkat lokal yang cukup berpengaruh di kalangan pengundi di kawasan masing-masing. Persaingan pelbagai penjuru, yang mengurangkan undi parti-parti utama di samping faktor calon-calon baharu di kawasan-kawasan itu yang kurang berpengaruh berbanding calon-calon tiket besas tadi, turut membolehkan mereka memenangi kawasan-kawasan.

Meskipun bebas dan tanpa parti, mereka bertiga bukanlah tiada organisasi. Selaras dengan kecairan politik kepartian dan ideologi di Sabah, di mana operasi parti lebih tertumpu kepada personaliti/tokoh berbanding parti, pergerakan mereka sebagai calon bebas tidaklah melemahkan pengaruh mereka secara signifikan, lebih-lebih lagi di kalangan calon-calon senior yang telah menaungi dan mengenali secara rapat penduduk setempat, dan mempunyai jentera sendiri dalam tempoh yang lama melalui pelbagai program-program politik mereka. Melalui penaungan itu, jaringan sosial dibentuk dan diperkuuh, melalui hubungan transaksional dan simbiotik. Justeru, meskipun tanpa parti, kempen politik masih dapat digerakkan oleh calon-calon bebas seperti mereka sehingga dapat menyaingi parti-parti lama mereka dengan berkesan (Yillson 2020: temubual).

Meskipun mengalami perpecahan dalaman dan pertembungan sesama sendiri, GRS berjaya memenangi 38 dari 73 kerusi yang dipertandingkan (Lihat Jadual 1). Ini adalah pencapaian yang memberansangkan untuk GRS kerana mereka bertembung di 17 kawasan. Tanpa pertembungan itu, GRS sebenarnya mampu memenangi beberapa kerusi lagi. Di manakah silap Warisan Plus? Sedangkan pakatan parti itu dijangka dapat mempertahankan kedudukannya di peringkat negeri (Sheridan 2020). Empat faktor diidentifikasi dalam mempengaruhi keputusan ini, iaitu faktor sejarah, isu semasa, praktik pilihan raya dan kelebihan kerajaan pusat.

Dari sudut sejarah, meskipun BN tewas di peringkat persekutuan dalam PRU 2018, BN masih berjaya mempertahankan kemenangannya di Sabah. Namun kemenangan itu dinafikan dengan aktiviti lompat parti, menyebabkan pemimpin Warisan/PH dilantik sebagai kerajaan hanya selepas beberapa hari BN membentuk kerajaan negeri Sabah. Dari sudut perbandingan, kawasan-kawasan yang dimenangi GRS di dalam PRN 2020 hampir menyamai kawasan yang dimenanginya semasa PRU 2018. Justeru, dari sudut sejarah dan perbandingan, keputusan PRN 2020 menjelaskan *status quo* yang sama sebenarnya. Meskipun, jumlah turun mengundi lebih rendah berbanding PRU 2018, undi popular yang dimenangi oleh kedua-dua pakatan ini pada PRN 2020 ini adalah hampir sama dengan PRU 2018 (Wong 2020: 9).

Dari sudut isu pula, sebagai kerajaan negeri sejak Mei 2018, Warisan telah diserang hebat oleh BN khasnya di dalam isu Pas Sementara Sabah (PSS). Shafie Apdal, seorang Bajau Muslim dari Semporna, telah dituduh sebagai melonggarkan syarat kemasukan dan permastautin pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Sulu ke Sabah. Isu ini menjadi isu besar kerajaan Shafie yang telah menyebabkan Warisan tewas di dalam Pilihan Raya Kecil Kimanis pada Januari 2020. Meskipun usaha untuk mengenalpasti dan mengawal PATI telah dimulakan sejak zaman BN dan merupakan usaha birokrasi berbanding parti, parti Warisan kelihatan menjadi serangan politik populisme dan pemerkauman, di mana usaha itu turut ditakrif secara merewang (*discursive*) sebagai usaha Islamisasi dan untuk memelayukan Sabah. Menariknya, hal ini sekiranya benar, tidaklah dimulakan oleh Warisan, sebaliknya sudah lebih dua dekad oleh UMNO Sabah. Bukan sahaja "Projek IC" yang dipercayai dilakukan oleh pentadbiran BN Mahathir dahulu bagi menambahkan sokongan kepada UMNO Sabah (Frank 2006), malah sistem penggiliran Ketua Menteri selama dua tahun sekali dihentikan oleh UMNO setelah berjaya menjawat jawatan itu pada awal 2000an sekaligus melandaskan hegemoni UMNO dan Muslim di negeri itu. PSS untuk itu, bukan sahaja memberi kesan besar kepada populariti Warisan, tetapi juga kepada politik identiti menyebabkan Warisan Plus kurang popular di kawasan pendalam dan luar bandar Sabah, kawasan di mana komuniti Kristian dan bukan

Islam/Melayu mempunyai majoriti. Selain itu juga, dasar-dasar yang kurang popular oleh kerajaan PH, sedikit sebanyak turut mengehadkan populariti Warisan sebagai sekutu kerajaan PH di persekutuan. Sebagai negeri yang termiskin di Malaysia, pergantungan terhadap bantuan dan subsidi ekonomi sangat dihargai dan diperlukan oleh rakyat Sabah. Sedangkan hal ini telah dikompromikan oleh kerajaan PH dengan pengurangan bantuan dan subsidi berbanding dengan ‘kemewahan’ bantuan ekonomi era BN dibawah Najib.

**Jadual 1.** Keputusan PRN Sabah 2020

No.	Parti	Singkatan	Jumlah
1	Gabungan Rakyat Sabah	GRS	38
	<i>Barisan Nasional</i>	BN	
	i. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu	UMNO	14
	ii. Parti Bersatu Rakyat Sabah	PBRS	
	ii. Persatuan Cina Malaysia	MCA	
	<i>Perikatan Nasional</i>	PN	
	i. Parti Pribumi Bersatu Malaysia	PPBM	11
	ii. Parti Solidariti Tanah Airku	STAR	
	iii. Parti Progresif Sabah	SAPP	
	<i>Parti Bersatu Sabah</i>	PBS	7
2	Warisan Plus	W+	32
	Parti Warisan Sabah	Warisan	
	Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu	UPKO	
	<i>Pakatan Harapan</i>	PH	6
	i. Parti Tindakan Demokratik	DAP	
	ii. Parti Keadilan Rakyat	PKR	
	iii. Parti Amanah Negara	Amanah	
3	Bebas	Bebas	3
<b>Jumlah</b>			<b>73</b>

Sumber: SPR (2020)

Dari dimensi praktik pilihan raya pula, kelebihan GRS sebagai representasi parti pemerintah di persekutuan memberi sedikit kelebihan kepada gabungan itu. Dengan penularan wabak Covid-19 ketika itu, pelbagai bantuan dan subsidi disediakan oleh PN termasuk bantuan kewangan dan penangguhan hutang bank. Dengan kawalan media yang kembali tinggi di era PN dan kempen besar-besaran sekutu GRS dari Semenanjung termasuk dengan kehadiran Perdana Menteri dan kabinetnya dengan kelonggaran rentas negeri ketika itu, suasana *feel good* terbina di kalangan rakyat Sabah terhadap GRS. Ini termasuk taktik “kawasan angkat” di mana

menteri-menteri kabinet dari persekutuan masing-masing diamanahkan berkampung dan berkempen untuk pihak GRS di semua DUN yang ditandingi (Georgina 2020: temubual). Justeru perpecahan dalam di dalam GRS sedikit sebanyak ditampung dengan sokongan dan kekuatan yang dibawa oleh sekutu mereka dari Semenanjung.

Hal yang nampak berbeza melanda Warisan Plus. Meskipun dari atas kertas nampak seumpama wujud kesepakatan yang jitu, di mana tiada parti-parti pakatan itu bersaing sesama sendiri namun sokongan pemimpin Semenanjung kepada Warisan Plus hanyalah suam-suam kuku berbanding usaha agresif PN dan BN pusat. Hal ini mungkin disebabkan oleh tiga faktor. Pertama, kerusi parti dari Semenanjung diberikan dengan jumlah yang kecil, menyebabkan kurangnya motivasi khasnya oleh pemimpin PKR untuk berkempen di Sabah. Hal ini mungkin lebih disukai oleh Shafie Apdal, yang bukan sahaja dilihat kurang menyenangi Anwar Ibrahim berbanding Mahathir, tetapi mungkin juga untuk memperlihatkan Warisan Plus sebagai perikatan yang berautonomi dari pengaruh parti-parti dari Semenanjung. Ini membawa kepada faktor kedua, di mana kempen bersama Warisan Plus menjadi kurang senergik dan agak canggung. Ketiga, berbanding dengan keberanian pemimpin PN dan BN dari Semenanjung, pemimpin PKR dan DAP nampaknya lebih berhati-hati dengan risiko penularan Covid-19 di Sabah. Hal ini menyebabkan kurangnya kehadian tokoh popular di peringkat nasional dari PH yang turun berkempen dan menarik sokongan dan kekosongan itu diisi secara efektif oleh GRS.

Dari sudut struktural pula, pilihan raya ini masih lagi mengalami masalah *malapportionment*. Sebenarnya, sebagaimana yang digariskan sebelum ini, jumlah undi popular di antara GRS dan Warisan Plus adalah hampir sama. GRS memenangi 316,049 undi atau 43.26% dari keseluruan yang turun mengundi, Warisan Plus 347,541 43.46%, namun dari sudut kerusi GRS memenangi 38 kerusi dan Warisan Plus hanya 32. Hal ini berikutan kawasan luar bandar diberikan lebih pemberat berbanding kawasan bandar dalam pembahagian kerusi. Justeru meskipun Warisan Plus lebih popular sedikit berbanding GRS dengan penguasaannya di kawasan-kawasan bandar dan pesisir pantai Sabah, namun kewujudan masalah *malapportionment* ini memberikan kelebihan kepada GRS yang popular di kawasan luar bandar dan kawasan KDM meskipun gabungan itu mengalami isu perpecahan dalam.

Tuntasnya, keempat-empat faktor ini menyebabkan status quo, yang berat kepada GRS sebagaimana BN sebelum ini, kekal di Sabah. Faktor-faktor ini tidak ekslusif sebaliknya melengkapi antara satu sama lain dan penghasilan keputuan PRN 2020. Apakah implikasinya kepada masa depan politik dan pilihan raya di Sabah amnya, dan PRU ke-15 khususnya? Adakah pilihan raya semula ini berjaya menghukum amalan lompat parti di Sabah? Apakah pengajaran yang boleh diambil dan difikir dari PRN ini ke arah kestabilan sistem kepartian dan politik Malaysia di masa hadapan? Persoalan-persoalan ini akan dibincangkan di bahagian yang berikutnya.

### **Melewati PRN Sabah 2020: Dinamika Pakatan Politik ke-arah PRU ke-15**

Berbanding hanya terfokuskan kepada persaingan dan perebutan kuasa di dalam PRN Sabah, peristiwa yang lebih besar di dalam PRN itu menguji dinamika dan merefleksi situasi semasa permuaafakan parti-parti utama di peringkat nasional yang semakin organik dan cair. Berakar umbi dari peralihan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di Perak pada 2009 melalui jalan istana berbanding di dewan perundangan, konsistensi prosedural sistem berparlimen terganggu apabila kerajaan boleh dijatuhkan di luar dewan. Hal ini dikristalisasi bukan sahaja oleh mahkamah pada 2010 tetapi juga dengan praktik yang berterusan termasuk cubaan Shafie merampas kedudukan Ketua Menteri Sabah pada 2018 dan cubaan Musa untuk mengambil kembali kedudukannya pada Julai 2020.

Sekatan perundangan tidak dikenakan untuk proses ini, malah lebih banyak *rewards* yang didapat kepada perwakilan yang melompat, mungkin bukan sahaja untuk kepentingan

individu – jawatan, sumber dan kemudahan – tetapi juga untuk pembangunan setempat, sebagaimana yang sering dibangkit oleh para pelompat. Oleh kerana GRS adalah kerajaan negeri yang merupakan perwakilan dan sekutu parti-parti penyandang di persekutuan, tidaklah menghairan mengapa tiga calon bebas dalam PRN Sabah menyokong GRS dan PN. Hal ini sendiri menunjukkan PRN Sabah 2020 gagal dalam mengukuhkan semula politik kepartian dan ideologi politik (Porodong 2020: temubual).

Meskipun pilihan raya semula melalui PRN 2020 sedikit sebanyak mengajar para ADUN yang beralih sokongan, di mana mereka terus hilang jawatan sebagai ADUN dan perlu bertanding semula, namun hal ini tidak sepenuhnya mengajar mereka kerana aktiviti lompat parti tidak pula dianggap tidak sah (*illegal*). Malah, sembilan daripada ADUN yang beralih sokongan pada Julai 2020 telah bertanding semula dengan pelbagai kapasiti, sama ada sebagai calon bebas atau calon parti lain (*Malaysian Insight*: 12 September 2020). Dan ada sebilangan mereka yang mampu menang semula, meskipun atas tiket bebas, walaupun kemudiannya mengalihkan sokongan kepada parti pemerintah kerana potensi *rewards* yang tinggi. Ruddy Awah ADUN Bebas di Pitas umpamanya, dilantik sebagai pembantu menteri sejurus selepas PRN sebelum menyertai Bersatu pada awal 2021.

PRN Sabah memperlihatkan dinamika permuafakatan politik yang semakin terpencar dan tidak stabil (Govindasamy 2020). Permuafakatan tidak lagi diadakan secara tuntas di antara parti, sebaliknya di peringkat kelompok dan individu pemimpin parti yang mempunyai jawatan di dalam badan legislatif. Apabila terdapat individu atau kelompok yang tersisih, maka parti baru ditubuhkan, atau pemimpin bertanding atas tiket bebas. Hal ini memerlukan pertambahan jumlah parti dan calon bebas yang muncul dan bertanding di dalam PRN Sabah, dan situasi yang sama dijangka berlaku di peringkat nasional.

Kelompok yang tidak bersama Muhyiddin di dalam Bersatu umpamanya, telah menubuhkan parti baru (Pejuang) yang akan menambahkan pecahan dan dinamik di dalam politik Melayu yang kini telah memiliki pelbagai parti. Pecahan dari UMNO dekad lepas melahirkan Bersatu, begitu juga pecahan di dalam PAS yang melahirkan Amanah. Meskipun, persaingan dan pecahan dibenarkan oleh demokrasi, namun pecahan itu seharusnya bersifat ideologikal dan programatik dia mana terdapat visi negara idaman yang berbeza secara signifikan sebagaimana hujah Shamsul (1996). UMNO contohnya dengan visi sentraliti Melayu, PAS dengan negara Islam dan DAP dengan idea Malaysia yang saksama. Ideologi ini merefleksi pecahan di dalam masyarakat dan merepresentasi kehendak mereka. Namun, apakah perbezaan negara idaman yang ketara di antara, misalnya, antara UMNO dan Bersatu, dan kini antara mereka dengan Pejuang? Malah, objektif Bersatu sendiri adalah untuk menggantikan UMNO sebagai parti Melayu, dan objektif PEJUANG pula untuk menjadi Bersatu baharu (Mahathir 2021: temubual). Agak jelas nampaknya, perpecahan dari UMNO ke Bersatu dan Pejuang, yang berkitar di antara tokoh-tokoh yang hampir sama berdasarkan perubahan kepentingan di antara individu dan kelompok utama parti-parti, berbanding perbezaan visi negara idaman, Bersatu ditubuhkan Muhyiddin dan Mahathir selepas disisih oleh Najib dari UMNO. Begitu juga dengan kewujudan Pejuang yang berlaku selepas pembersihan dari kelompok Muhyiddin yang menguasai parti itu.

Anwar yang dilihat tegas dalam menolak UMNO sejak pemecatannya dari parti sejak 1998, lewat ini semakin berlembut dengan parti itu nampaknya dalam usaha untuk merampas kembali tampuk pemerintahan daripada PN. Dalam hal ini, Anwar baru-baru ini menyatakan PH tidak boleh "terlalu keras" dalam menolak segala jenis kerjasama politik (Tong 2021), menggambarkan bukan sahaja beliau terbuka untuk bekerjasama dengan UMNO, malah mungkin juga Pejuang dalam menubuhkan kerajaan, selagi kepentingan-kepentingan semasa mereka boleh diselaraskan. Ini juga bertentangan dengan ideologi parti PKR yang berdasarkan reformisme dan UMNO berdasarkan konservativisme. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada

kekaburuan tetapi lebih serius lagi adalah kematian persaingan ideologi dan kepartian – yang merupakan salah satu ciri penting sistem autoritarian dan totalitarien.

Jalan pendek dan mudah ini, dan mungkin anti-demokratik juga, menjadi pilihan berbanding jalan yang lebih demokratik. Ini termasuklah dengan membina semula pembangkang baharu yang kuat dengan amalan-amalan yang demokratik terutamanya menubuhkan kabinet bayangan dalam menyemak dasar-dasar PN, menawarkan alternatif bermakna dan menunjukkan kepimpinan kepada rakyat, sebagai kerajaan masa hadapan yang berpotensi (*government-in-waiting*) sementara menunggu persidangan semula parliment atau pilihan raya. Menjatuhkan kerajaan melalui perundingan elit di luar kerangka parti bukan sahaja menguatkan lagi personaliti (kedudukan elit) di dalam parti (tanpa akauntabiliti dan prinsip kesaksamaan), tetapi juga boleh menggalakkan lagi perpecahan kelompok di dalam parti yang boleh menyebabkan berlakunya pecahan parti.

Berdasarkan pengisytiharan PN sebagai kerajaan oleh YDPA pada Mac 2020, UMNO dengan jelas telah menyokong kerajaan itu secara *en-bloc*, syarat yang diletakkan sendiri oleh Zahid kepada Bersatu sebelum itu. Meskipun PH dijatuhkan sendiri oleh parti komponennya (Bersatu) untuk parti itu mempertahankan tumpuk pemerintahannya, namun cubaan Anwar dalam menarik sokongan Zahid dan UMNO, tidak akan menstabilkan sistem politik dan kepartian di Malaysia disebabkan isu-isu yang telah dibangkitkan di atas. Sebagaimana model permuafakatan PN, kerajaan baharu sekiranya wujud melalui "pintu belakang" atau penajaran kepentingan elit berbanding kesepadan ideologi, akan terus tidak stabil serta sementara sifatnya dan tidak membawa apa-apa pembangunan baharu kepada sistem politik. Hal ini merefleksi darurat yang diisyiharkan pada awal Januari 2021, yang antara lain cuba untuk menstabilkan sistem politik dari ketidaktentuan kedudukan kerajaan dari ancaman pertukaran dari masa ke semasa.

Memandang ke hadapan ke arah PRU ke-15, beberapa senario boleh dijangkakan. Pertama seperti PRN Sabah 2020, perlawanan dijangkakan secara praktis dilakukan secara tiga penjuru, melain UMNO/BN berpaktat dengan PN atau PH. Dari sudut kesesuaian ideologi, adalah lebih sesuai UMNO/BN bersama PN berbanding PH. Bukan sahaja ia adalah lebih *feasible* dengan UMNO, Bersatu dan PAS berkongsi visi negara idaman yang hampir sama, tetapi juga pakatan itu lebih sepadu berbanding bersama PH yang jelas sekali mempunyai visi yang berbeza. Jika UMNO/BN bersama PN, yang perlu dikompromikan adalah kepentingan kelompok di antara parti-parti itu. Sedangkan jika UMNO bersama PH, bukan sahaja kompromi di peringkat kelompok elit yang diperlukan, tetapi juga visi negara idaman yang berbeza-beza itu. Meskipun ia bukanlah mustahil, sebagaimana penciptaan supra ideologi "negara berkebajikan" dalam mengelompokkan PAS bersama DAP di dalam PR sebelum ini, namun permuafakatan itu tidak berkekalan di mana pada awal 2015, PAS kembali dengan ideologi asalnya menyebabkan PR runtuh tidak lama kemudian.

Jika hal ini berlaku, PRU ke-15 yang diharapkan menjadi jalan keluar kepada kemelut politik di Malaysia pada hari mungkin sukar untuk mencapai objektifnya melainkan beberapa asas penting politik kepartian dan sistem berparlimen diperlakukan dengan tegas. Pertama, menghormati keputusan pilihan raya. Suasana di Sabah selepas PRN umpamanya, adalah stabil, meskipun GRS memenangi dengan majoriti mudah. Tiada usaha untuk menjatuhkan kerajaan negeri itu setakat ini oleh parti pembangkang, mungkin kerana pengajaran dari penularan Covid-19, atau pun juga disebabkan pengisytiharan darurat yang telah digunakan untuk menghalang dewan perundangan dari bersidang. Yang menang harus diberi peluang memenuhi manifesto dan yang kalah sebaiknya menjalankan peranan sebagai pembangkang yang efektif, dan sebagai kerajaan yang berpotensi/menunggu di masa hadapan. Dalam hal ini, mana-mana kerajaan yang terbentuk, walau dengan satu majoriti, harus dihormati sebagaimana pembentukan kerajaan negeri Kelantan selepas PRU 2004. Politik matang seumpama ini bukan sahaja membawa konsistensi, tetapi juga boleh menambahbaik kepercayaan umum kepada

sistem politik dan pilihan raya kerana pilihan mereka dihormati. Dalam keadaan persaingan yang semakin sengit dan politik yang semakin terpencar kini, ada keberangkalian bahawa tiada parti yang akan mendapat majoriti. Sekiranya ini berlaku, permuafakatan mungkin perlu dilakukan sejurus selepas pilihan raya untuk mendapatkan majoriti, dan perlu dikekalkan ke akhir penggal. Cara kedua, adalah dengan membenarkan kewujudan kerajaan minoriti yang memiliki undi secara pluraliti. Dasar penting kerajaan itu seperti belanjawan tahunan boleh disokong pembangkang dengan amalan *confidence and supply agreement* (CSA) tanpa pembangkang menyertai parti pemerintah dan terus menjalankan peranannya sebagai penyemak dan pengimbang kuasa pemerintah.

Kedua, selain pilihan raya, proses pertukaran kerajaan seharusnya kembali berasaskan konvesyen asal perlembagaan iaitu melalui sidang di dewan perundangan. Dalam erti kata lain mengangkat semula sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Bukan sahaja, ia lebih berperlembagaan, malah ia juga lebih jelas dan telus. Penubuhan kerajaan PN umpamanya dipersoal kerana majoritinya tidak pernah dibuktikan di dalam parlimen. Ia dilakukan di istana, dihalang dari disemak ketika sidang-sidang parlimen sepanjang 2020, dan kini dihalang pula oleh Ordinan Darurat. Halangan ini walaupun membawa kestabilan politik, tetapi hanya untuk jangka masa yang terhad sahaja. Malah, politik sewaktu darurat juga tidak reda dan kekal rancak. Lebih penting lagi, Ordinan Darurat memberi kesan kepada sistem politik untuk jangkamasa panjang kerana ia memberi kuasa yang terlalu besar kepada parti pemerintah dan mengekang kedaulatan undang-undang secara am. Penggunaan kuasa negara dalam mengukuhkan kuasa parti politik seharusnya dielakkan bagi mengelakkan salahguna kuasa yang bukan sahaja boleh mengancam kuasa semakan yang demokratik terhadap pemerintah (dan akauntabilitinya) oleh pembangkang, media dan rakyat - tetapi juga persaingan yang sihat di antara parti-parti politik sewaktu dan di luar pilihan raya.

Ketiga, penganalisis politik Wong Chin Huat dan *Bersih 2.0* pernah mencadang agar pilihan raya pecat (*re-election*) untuk diamalkan, di mana perwakilan yang melompat parti perlu meletak jawatan dan bertanding semula di dalam pilihan raya yang baharu. Idea ini menarik dan nampak adil kerana kebanyakan calon dipilih atas tiket parti berbanding atas tiket individu semata-mata. Ia mengenakan kos terhadap perwakilan yang ingin berubah arah, sekaligus mungkin mengingkari pilihan pengundi. Namun, sebagaimana yang berlaku kepada kerajaan Shafie, keputusan semasa berubah, kerajaan boleh dijatuhkan dan calon boleh menang dengan kapasiti diri dan parti lain. Ini menyebabkan tempoh pemerintahan kerajaan semasa secara efektifnya dipendekkan.

Keempat, ramai yang mencadangkan agar undang-undang anti-lompat parti diperkenalkan bagi menghalang aktiviti itu. Meskipun keputusan Mahkamah Tinggi pada 1990an melihat ia halangan untuk lompat parti adalah tidak sah kerana ia dilihat menghalang hak untuk berpersatuan, namun ia boleh dipinda, bukan sahaja sebagai salah satu jalan keluar dari masalah lompat parti tetapi juga untuk menghormati peruntukan-peruntukan perlembagaan yang lain seperti kebebasan bersuara dan hak-hak warganegara (termasuk pilihan raya).

Kelima, layanan yang adil perlu diberikan kepada semua perwakilan dan kawasan pilihan raya, sama ada mereka di dalam parti pemerintah, pembangkang atau bebas. Ini adalah untuk menghormati kebebasan pengundi dan bersaing secara sihat. Persaingan seharusnya secara programatik dan ideologikal, di mana parti-parti dibenarkan bersaing secara terbuka tanpa kawalan yang diskriminatif dan perlbelan yang negatif (termasuk kaedah momokan atau menakut-nakutkan) dengan menawarkan manifesto dan wawasan mereka, di samping menjalankan peranan mereka sebagai pembangkang dan kerajaan yang berpotensi di masa hadapan. Justeru mana-mana penggunaan sumber negara, termasuk institusi dan sumber manusianya secara tidak adil oleh parti yang memerintah, baik untuk kelebihan parti mereka atau menyekat parti lawan, perlu ditolak. Jika tidak, masalah lompat parti dan kebergantungan

kepada parti pemerintah akan berterusan, menyebabkan persaingan serta proses politik yang sihat terhalang dan keputusan yang cenderung kepada pemerintah terjelma.

## Kesimpulan

PRN Sabah, sebagaimana yang dihujahkan di dalam artikel ini, tidak semata-mata pentas untuk memilih kerajaan baharu di wilayah itu, ia turut signikan dalam merefleksi situasi politik permufakatan dan amalan kepartian kontemporari di Malaysia, serta masalah-masalah yang bersangkutan dengannya termasuk masalah lompat parti dan ketidakstabilan politik kepartian. Ia secara asas (*essentially*), turut merepresentasi masalah dan ketidaktentuan di dalam politik Malaysia lewat ini. Untuk itu, analis PRN Sabah di dalam artikel ini telah dikembangkan dan dikaitkan dengan situasi semasa politik Malaysia di peringkat nasional. Beberapa preskriptif juga telah dicadangkan oleh artikel ini dalam memperkuatkan semula amalan politik kepartian yang matang, bagi mencipta kestabilan politik yang semakin asing di Malaysia lewat ini, ke arah persaingan di dalam PRU ke-15.

Memandang ke hadapan, politik kewilayahan dijangka berterusan di Sabah di dalam pilihan raya akan datang kedua-duanya kerana pengelompokan etnik yang berbeza di kawasan-kawasan yang berbeza di samping kepentingan identiti dalam politik Sabah *vis-à-vis* politik berasaskan kenegerian. Agenda Borneo dan MA63 turut akan menjadi isu penting di Sabah di masa hadapan, ini dibuktikan oleh usaha kerajaan Perikatan Nasional kedua-dua dibawah Muhyiddin Yassin dan Ismail Sabri dalam merespon kepada isu dan agenda ini dari masa ke semasa. Isu nasional politik di Semenanjung, berasaskan pilihan-pilihan raya lepas dan PRN 2020, nampaknya kurang menarik perhatian pengundi di Sabah, ini khasnya berikutan sentimen lokal dan kenegerian masyarakatnya yang tinggi. Namun, perkembangan politik di Semenanjung seringkali diikuti rapat oleh elit politik Sabah kerana kecenderung pemimpin wilayah ini berhubung secara pragmatik dengan pemimpin-pemimpin utama di Semenanjung (seperti amalan pemimpin GPS di Sarawak) yang bukan sahaja penting dalam koordinasi serta persaingan politik kepartian tetapi juga dalam menjaga dan mengangkat hak wilayah itu.

## Penghargaan

Penulis merakamkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membantu sebahagian kos penyelidikan dan penulisan artikel ini melalui skim Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2018-022).

## Rujukan

- Arfa Yunus. (2020). Anwar says has 'strong, formidable, convincing' majority to form government. New Straits Times. 23 September. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626586/anwar-says-has-strong-formidable-convincing-majority-form-government>
- Chandra Muzaffar. (2020). *Protector? : an analysis of the concept and practice of loyalty in leader-led relationships within Malay society*. Petaling Jaya: SIRD.

- Chin, James. (2014). Exporting the BN/UMNO model: politics in Sabah and Sarawak. In, Weiss, M.(ed.). *Routledge Handbook in Contemporary Malaysia*. London: Routledge, Bab 7.
- Chin, James. (2018). Sabah and Sarawak in the 14th General Election (GE14): local factors and state nationalism. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3): 173-192.
- Frank, S. (2006). Project Mahathir: Extraordinary population growth in Sabah. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 25(5): 71-80.
- Furnivall, J. (2014). *Colonial policy and practice : a comparative study of Burma and Netherlands India*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Georgina L. George. UPKO's candidate in Panginatan Sabah. 24 September 2020.
- Geraldine Tong. (2021). Anwar: PKR tak boleh 'terlalu keras' tolak segala bentuk kerjasama politik. *Malaysiakini*. 6 Jun. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/577822>
- Gilbert, L. & Mohseni, P. (2011). Beyond Authoritarianism: The Conceptualization of Hybrid Regimes. *Studies in Comparative International Development*, 46: Retrieved from <https://doi.org/10.1007/s12116-011-9088-x>
- Gomez, E.T. & Mohamed Nawab (eds.). (2019). *Malaysia's 14th general election and UMNO's fall: intra-elite feuding in the pursuit of power*. Routledge: London
- Govindasamy, A. R. 2020. The Sabah State Election 2020: a narrow win and precarious mandate for the new government. *ISEAS Perspective*, 2020(131), 1-12.
- Jomo, K.S. (1986). A question of class : capital, the state, and uneven development in Malaya. Singapore: Oxford University Press.
- Ratnam, K.J. (1965). *Communalism and the political process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Singapore.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, & Novel Lyndon. Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 BatuSapi, Sabah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 23-34.
- Karl, T.L. (1990). Dilemmas of democratization in Latin America. *Comparative Politics*, 23(1):1–21.
- Mohammad Agus Yusoff. (2006). *Malaysian federalism: Conflict of consensus?*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhamad Nadzri & Jamaie Hamil. (2018) . “Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/ Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018”. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45(2): 386-408.
- Paul Porodong, Independent-STAR candidate for Matunggong. 29 March 2021.

Samuel P. Huntington. 1991. How Countries Democratize. *Political Science Quarterly*, 106 (4): 579-616.

Sembilan 'katak' bertanding dalam PRN Sabah. (2021, 12 September). *Malaysian Insight*. Retrieved from <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/272245>

Shamsul A.B. (1996). Nations-of-intent in Malaysia. In S. Tønnesson, & H., Hans Antlöv, Asian Forms of the Nation (pp. 323-347). Hove: Psychology Press.

Shamsul A.B. (2020). Langkah Sheraton: Perspektif Shamsul Amri Baharuddin. *Ingatan Malaysia*. Retrieved from <https://ingatanmalaysia.com/2020/07/05/langkah-sheraton-perspektif-shamsul-amri-baharuddin/>

Sheridan Mahavera. (2020). Warisan miliki kelebihan dalam PRN Sabah menjelang akhir kempen, kata Ilham Centre. *The Malaysian Insight*. 25 September. Retrieved from <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/274726>

Wong, Chin Huat. (2020). Sabah State Election 2020: Did The Electorate Vote for Change?. *Platform: A Journal of Management & Humanities*. 3(2): 2-15.

Yillson Yanggun. The PBR's candidate in Kota Marudu. Kajang. 11 September 2020.